



LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI VISUAL NEGARA (KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA)

Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN), Agensi Badan Berkanun di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) menjemput warganegara Malaysia yang berkelayakan, berpengalaman dan berminat serta berdedikasi bagi mengisi kekosongan jawatan yang bertaraf pembekal khidmat melalui satu perjanjian/ kontrak dari setahun ke setahun berdasarkan keperluan seperti berikut;

PEMBEKAL KHIDMAT (UNDANG-UNDANG)

1. SYARAT LANTIKAN

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c)
 - i. Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - ii. lulus Peperiksaan Akhir Peguam (*Bar Final Examination*) dan
- (d) lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2. Bayaran Perkhidmatan Bulanan

RM 3,300.00

3. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab menjalankan tugas perundangan dalam aspek pendakwaan, perbicaraan dan rayuan, nasihat perundangan, penggubalan undang-undang, penyemakan dan pembaharuan undang-undang, guaman dan hal ehwal antarabangsa.

4. CARA MEMOHON

- (a) Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan dalam talian yang boleh diakses di laman sesawang Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN).
- (b) Hanya permohonan yang dibuat melalui sistem permohonan dalam talian LPSVN (<https://www.artgallery.gov.my>) akan diproses.
- (c) Calon dikehendaki memuatnaik resume yang lengkap (kelayakan akademik, pengalaman kerja dan gaji semasa, gambar berukuran pasport serta salinan sijil-sijil berkaitan) semasa membuat permohonan.

5. TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 03 NOVEMBER 2023

6. PERMOHONAN YANG DITOLAK

Permohonan berikut akan ditolak tanpa diberi sebarang jawapan:-

- (a) tidak memohon jawatan melalui dalam talian;
- (b) tidak disertakan gambar berukuran pasport;
- (c) tidak disertakan salinan dokumen yang diperlukan;
- (d) tidak lengkap dan tidak jelas; dan
- (e) tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam iklan.

7. CATATAN AM

- (a) Hanya pemohon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil menghadiri temuduga.
- (b) Permohonan yang tidak menerima jawapan selepas satu (1) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah dianggap tidak berjaya.
- (c) Segala perbelanjaan menghadiri temuduga adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemohon.